

KUALA LUMPUR, 16 DIS. (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGADAKAN PERATURAN-PERATURAN BARU SEBAGAI LANGKAH MENGISI KEKOSONGAN DI BAWAH OPERASI +ISI PENUH.+

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ANTARA PERATURAN BARU ITU TERMASUKLAH MEMBEHADKAN PERLANTIKAN BAGI SESUATU JAWATAN HANYA UNTUK PENDUDUK ATAU PEMOHON TEMPATAN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBEFITA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA PERATURAN BARU INI DIANGGAP PERLU BAGI MENYELESAIKAN MASALAH 22,000 KERJA KOSONG DI BAWAH OPERASI ITU YANG MASIH BELUM DIPENUHI SEHINGGA INI.

KERJA-KERJA KOSONG ITU, TERMASUK 11,000 DALAM KUMPULAN D (IMG) TIDAK DAPAT DIPENUHI KERANA BEBERAPA FAKTOR TERMASUK TERLALU RAMAI PEMOHON YANG MEMOHON BERBAGAI-BAGAI JAWATAN DAN TERDAPATNYA PEMOHON YANG TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG SUDAH PUN BEKERJA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN MEREKA INI MENYULITKAN URUSAN MEMPROSES PERMOHONAN-PERMOHONAN TERSEBUT.

SEBAGAI CONTOH, BELIAU MENYEBUT TENTANG SEKARONG GUNI PERMOHONAN YANG DITERIMA UNTUK CUMA DUA JAWATAN DAN INI MENYEBABKAN SUKAR BAGI URUSAN MEMPROSES DIJALANKAN.

— BERSAMBUNG 1455/SZ

B538

MAHATHIR-ISI PENUH 2 KUALA LUMPUR

KEADAAN MENJADI LEBIH RUMIT APABILA PEMOHON-PEMOHON YANG DIPANGGIL UNTUK TEMUDUGA TIDAK HADIR DAN JUGA APABILA PEMOHON YANG BERJAYA MENOLAK TAWARAN KERJA.

MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KEKOSONGAN YANG MASIH BELUM DIPENUHI ITU ADALAH JAWATAN-JAWATAN YANG DILULUSKAN PADA KETIKA KEPERLUANNYA DIRASAKAN.

+MALANGNYA JAWATAN-JAWATAN ITU TIDAK DAPAT DIISI DAN MASALAHNYA MENJADI RUMIT APABILA JAWATAN-JAWATAN BARU DIWUJUDKAN LAGI,+ JELASNYA.

MENYENTUH TENTANG LANGKAH KERAJAAN HENDAK MENJALANKAN SATU KAJIAN MENGENAI PARA PELAJAR DI SEBERANG LAUT, PERDANA MENTERI MENJELASKAN IA BERTUJUAN Mendapatkan Maklumat Lengkap mengenai semua aspek termasuk bidang kajian yang diikuti dan perbelanjaan yang dikeluarkan.

BELIAU BERHARAP SETIAP PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT AKAN BEKERJASAMA DENGAN MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR YANG LENGKAP BAGI MENJAYAKAN KAJIAN ITU.

KATANYA: +JIKA MEREKA TIDAK MAHU BEKERJASAMA, MEREKA TIDAK BOLEH MENYALAHKAN KERAJAAN JIKA MEREKA NANTI TIDAK MENDAPAT LAYANAN DARIPADA KERAJAAN DALAM APA JUA TINDAKAN ATAU KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KELAK.+ -- BERSAMBUNG 1457/SZ

B539

MAHATHIR-ISI PENUH 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN KAJIAN ITU PERLU DIJALANKAN MEMANDANGKAN TERLALU RAMAI PELAJAR MALAYSIA KINI MENUNTUT DI SEBERANG LAUT.

DENGAN KAJIAN ITU NANTI KERAJAAN BERHARAP AKAN MENDAPAT GAMBARAN SAMADA PERLU MEMPERBESARKAN UNIVERSITI YANG SEDIA ADA DI NEGARA INI ATAU PUN UNTUK MEMBINA SEBUAH UNIVERSITI LAGI ATAU SAMADA PERLU MEMBAWA MASUK PAKAR-PAKAR LUAR NEGERI UNTUK MELATIH PARA PELAJAR TEMPATAN.

— BERNAMA 1500/SZ